

15 JUN 2003

Abdullah-Jawatan

PEMIMPIN TERTINGGI UMNO MAHU ABDULLAH PILIH TIMBALANNYA

SERDANG, 15 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata beliau telah mendapat kepastian daripada pemimpin-pemimpin tertinggi parti pelbagai peringkat untuk memilih timbalannya dalam Umno apabila tiba masanya.

Abdullah berkata pemimpin-pemimpin itu juga telah menyatakan bahawa mereka akan menyokong sesiapa yang dipilih olehnya sebagai Timbalan Presiden Umno.

"Pada waktu ini, saya sudah dimaklumkan dan sudah dapat kepastian daripada naib-naib presiden, pemimpin Pergerakan Pemuda dan Wanita, Puteri Umno, Ketua Penerangan, Setiausaha Agung dan juga daripada ketua-ketua perhubungan Umno negeri seluruh negara.

"Mereka nyatakan kepada saya `tentang pilihan timbalan itu diserahkan pada Pak Lah. Pak Lah jangan announce (umumkan) lagi, announce apabila Pak Lah dah mengambil alih (jawatan daripada Perdana Menteri dan Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) nanti. Dan siapa Pak Lah pilih kita akan sokong'," katanya selepas melancarkan sambutan Mega Perpaduan 2003 di Bukit Ekspo Universiti Putra Malaysia di sini.

Abdullah berkata demikian ketika ditanya pandangan Dr Mahathir dalam wawancara khas dalam Minggu Malaysia hari ini, yang antara lain Dr Mahathir melahirkan kebimbangan bahawa perebutan jawatan timbalan presiden parti akan berlaku selepas beliau meninggalkan tampuk kepimpinan Oktober ini.

Menurut Dr Mahathir apa yang ditakutinya ialah perebutan jawatan kanan parti terutama jawatan nombor dua pada pemilihan Umno tahun depan boleh menyebabkan pergolakan.

Abdullah berkata, "Kebimbangan itu saya sama-sama rasai. Tapi kita kena usaha untuk mengelakkan (perebutan jawatan).

" Usaha-usaha telah dibuat iaitu mendapat kepastian daripada naib-naib presiden, Ketua Pemuda dan Wanita, Puteri Umno, Ketua Penerangan, Setiausaha Agung dan disamping itu juga mendapat kepastian daripada ketua-ketua perhubungan Umno seluruh negara.

"Mereka semua nyatakan kepada saya `Pak Lah pilihlah timbalan nanti apabila tiba masanya dan kami akan sokong'...bermakna tak adalah berebut.

"Oleh sebab dah setuju, saya pilih, apa lagi kempen-kempen. Tunggu sahajalah. Jadi sia-sia sahajalah berkempen," kata Abdullah.

Abdullah berkata apa yang penting ialah untuk memperkukuhkan perpaduan parti kerana saingan bukan dalam parti tetapi dari luar iaitu parti-parti pembangkang dalam pilihan raya umum akan datang.

"Itulah perang sebenarnya...di sanalah medan perangnya. Bukan dalam parti. Jadi, persediaan mesti dibuat (untuk hadapi pembangkang dan pilihan raya).

"Itu lebih penting daripada berbalah sesama sendiri hanya merebut jawatan," katanya.

-- BERNAMA

RV MFJ NAK